

**Teks Ucapan**

***Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin***

***Vice Chancellor***

***Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)***

Sempena Sambutan Pesta Tanglung 2009

'Fiesta Under The Full Moon',

Pada 18 Oktober 2009,

Bertempat Di Dewan Capitol UniMAP Kangar, Perlis

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan  
Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Pelajar-pelajar UniMAP, Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan  
yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam **Sambutan Pesta Tanglung** bagi tahun 2009 ini. Marilah kita berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua kesulitan dan kekurangan.

Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti dan Majlis Perwakilan Kolej Kediaman (MPKK) kerana telah menganjurkan Pesta Tanglung ini dengan jayanya. Sambutan baik para pelajar terhadap Pesta Tanglung ini membuktikan Pesta Tanglung yang berasal daripada masyarakat Cina semakin menarik minat dan mendapat tempat di kalangan pelajar yang terdiri dari berbilang kaum. Ini membuktikan bahawa semangat satu Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri yang kita kasihi mendapat tempat dihati pelbagai individu tidak kira bangsa, pangkat atau usia.

Ladies and Gentlemen,

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vannakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

I am happy and very much honored to be here today, with all of you, UniMAP staff and students. There are no other words to express my gratitude for your full commitment except thank you

very much. I really appreciate your presence and this makes me very proud of you.

As we all know, the Lantern Festival (also called Yuanxiao Festival) is celebrated every year on the fifteenth day of the first moon. For your information, **Yuan** literally means **first**, while **Xiao** refers to **night**. Yuanxiao is the first time when we see the full moon in the New Year. It is traditionally a time for family reunion. So, the Chinese celebrate it by coming together as families to eat, drink and be merry. It is a colourful festival and I hope it will become an annual activity in UniMAP. I must congratulate the team for making this event successful. Please give a big round of applause to all of the committee members.

Hadirin sekalian,

Perayaan Pesta Tanglung di Malaysia adalah unik dan mempunyai gayanya yang tersendiri dari segi persembahan dan cara sambutannya. Hal ini dapat disaksikan melalui kepelbagaian aktiviti yang dianjurkan yang rata-ratanya berpandukan unsur tempatan Negara kita iaitu Malaysia. Malahan kuih-kuih bulan yang berbagai jenis dan perisa antaranya kuih bulan sambal, perisa durian, pandan, kopi dan lain-lain perisa yang sesuai dengan keadaan masyarakat kita yang berbilang kaum telah dipopularkan. Malah, pelancong-pelancong asing yang melawat Malaysia termasuk pelancong dari Negeri Cina sendiri juga kagum dengan perayaan Pesta Tanglung Malaysia yang berwarna-warni dan kaya dengan ciri masyarakat

tempatan sehingga perayaan ini menjadi sambutan pelbagai kaum.

Hadirin sekalian,

Atas dasar itulah maka kami di UniMAP juga turut berbesar hati untuk meraikan sambutan Pesta Tanglung ini. Namun sambutan Pesta Tanglung yang diadakan di UniMAP ini tidak dilaksanakan tanpa ada makna yang tersirat. Setiap program yang kita anjurkan ada mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Selaras dengan itu, penganjuran program ini juga mempunyai matlamat dan sasaran yang jelas. Matlamat utama aktiviti ini adalah untuk mengumpulkan semua warga UniMAP dan seterusnya kita cuba untuk mengeratkan silaturrahim sesama kita sebagai satu komponen yang kuat tidak kira sama ada sebagai pelajar atau staf. Selain itu, kita juga cuba untuk memberi peluang kepada semua mahasiswa/mahasiswi untuk cuba mengenali budaya kaum Cina dengan lebih mendalam dan seterusnya mencetuskan persefahaman yang lebih erat antara kaum.

Setelah kita berjaya memupuk persefahaman yang tinggi dalam diri para pelajar kita, saya percaya sifat kerjasama antara mereka juga akan berkembang. Hal ini kerana saya tidak mahu para pelajar saya hidup dalam berkelompok dan berpuak-puak kerana itu bukan budaya masyarakat Malaysia. Masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang bersatu padu dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Untuk pengetahuan para hadirin juga, melalui program-program seperti inilah kita dapat

mencungkil bakat yang ada pada diri mahasiswa/mahasiswi untuk ditonjolkan keperingkat yang lebih tinggi. Dari pendedahan seperti inilah kita akan berjaya menghasilkan graduan yang versatile atau serba boleh yang bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan kelak.

Hadirin sekalian,

Saya memilih untuk tidak bercakap panjang pada malam ini, tapi saya berasa gembira kerana aktiviti ini bukan sahaja disambut oleh pelajar berketurunan Cina tetapi ianya turut disertai oleh pelajar pelbagai kaum. Keadaan ini menunjukkan mahasiswa-mahasiswi daripada kaum-kaum lain juga berminat untuk mempelajari dan mengetahui budaya Tionghua yang unik dan berpelbagaian ini. Ini sekaligus membuktikan bahawa kita bersatu hati dan menyokong antara satu sama lain.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya ingin menyeru para pelajar sekalian supaya meneruskan semangat kerjasama yang anda tunjukkan pada malam ini bukan sahaja untuk satu tahun atau dua tahun tetapi untuk seumur hidup anda kerana semangat inilah yang akan memacu Negara kita ke puncak jaya.

Bersatu teguh, bercerai roboh,  
Menjadi amalan, zaman berzaman,  
Janganlah kita, lupa dan terpengaruh,  
Persefahaman yang jitu, tunggak kejayaan.

Dengan lafaz Bismillahi Rahmannir Rahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Sambutan Pesta Tanglung bagi tahun 2009.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.